

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

SOALAN :

YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pemilih yang layak mengundi di seluruh negara mengikut nama negeri-negeri dan bagaimana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memastikan prinsip "one Man, one vote" dipatuhi oleh semua kawasan pilihan raya; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang melaksanakan sistem pendaftaran pengundi secara automatik mengikut umur 21 tahun atau 18 tahun ke atas.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Keempat Tahun 2014 yang telah diwartakan pada 13 April 2015, jumlah keseluruhan pemilih yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya sehingga Suku Tahun Keempat 2014 adalah sebanyak 13,423,649 orang pemilih.

Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menyebut mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih perlu memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi suatu bahagian pilihan raya dan membolehkannya mengundi dalam sesuatu pilihan raya umum atau kecil.

Oleh yang demikian, cadangan untuk menjadikan pendaftaran pemilih secara automatik adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan pada masa sekarang. Sekiranya cadangan tersebut hendak dilaksanakan, ia memerlukan kajian lanjut dan mendalam sebelum sebarang pindaan dibuat pada peruntukan sedia ada. Sehingga kajian lanjut dijalankan, Kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan pendaftaran pengundi secara automatik.

Selain itu, pelaksanaan prinsip *one man, one vote, one value* tidak sesuai untuk diaplikasikan memandangkan Suruhanjaya Pilihan Raya tidak dapat menyeimbangkan saiz sesuatu bahagian pilihan raya dengan bilangan pemilih sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau

Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana perbezaan keadaan muka bumi dan penempatan penduduk serta kemudahan pentadbiran dalam sesuatu bahagian pilihan raya. Pada amnya, kawasan bandar mempunyai bilangan penduduk yang ramai dan padat serta kemudahan pentadbiran yang lengkap berbanding dengan kawasan luar bandar yang mana kawasannya lebih luas tetapi mempunyai bilangan penduduk yang lebih kecil dan kemudahan pentadbiran yang kurang sempurna.

Perbezaan saiz kawasan dan pemilih di antara sesuatu bahagian pilihan raya adalah dibenarkan oleh undang-undang sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 2(c), Bahagian I, Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan mengenai penetapan dan prinsip-prinsip yang berhubungan dengan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya.

Sekian. Terima kasih.